

## Kedah di Kancuh Peperangan Konbaung dan Chakri

### Kedah in the Middle War between Konbaung and Chakri

MOHD HERMAN BIN ROSLAN

#### ABSTRAK

*Kejatuhan Ayutthaya pada tahun 1767 yang diakibatkan oleh serangan Konbaung telah menyebabkan negeri-negeri yang terletak di bahagian selatan dan berada di bawah kerajaan ini berjaya membebaskan diri. Antara negeri yang dimaksudkan termasuklah negeri Kedah yang dianggap sebagai sebuah negeri naungan Siam. Sepanjang tempoh tersebut, satu hubungan bilateral antara masyarakat Myanmar dengan masyarakat Melayu Kedah telah wujud. Perhubungan ini dikatakan berakhir apabila kerajaan Konbaung dan Ava dikalahkan oleh British pada tahun 1824. Namun begitu, setakat ini, belum ada lagi kajian di Malaysia yang dapat menjelaskan hubungan yang jelas di antara kerajaan lama di Myanmar dengan Kedah secara mendalam. Kajian sedia ada hanya bertumpu kepada peperangan yang melibatkan Ligor-Bangkok dari tahun 1821 hingga 1840. Sedangkan ketika Siam dan Burma berada di kemuncak kuasa, Kedah dikatakan berada di tengah-tengah dan terpaksa memilih sama ada untuk bernaung di bawah salah satu kerajaan tersebut. Beberapa siri serangan dan bukti hubungan yang menjelaskan hubungan Siam dan Kedah menawarkan beberapa dapatan yang mencungkil bukti bahawa Kedah pernah mempunyai hubungan dengan kerajaan tradisi Myanmar terutamanya daripada sudut perdagangan dan pelayaran.*

*Keyword: Konbaung; Kedah; Chakri; bunga emas; perang*

#### ABSTRACT

*The fall of Ayutthaya in 1767 as a result of the conquest of Konbaung has caused the southern states and under this government to break free. Among the states is Kedah which is considered to be under the Siamese rules. Over the years, there was bilateral relations between the people of Myanmar with the Kedah Malay community. Nevertheless, this relationship is said to have ended when the Konbaung and Ava governments were defeated by the British in 1824. However, no local study has been able to explain the clear relationship between the old governments in Myanmar and Kedah. The present study is commonly found to focus on the wars involving Ligor-Bangkok from 1821 to 1840. While Siam and Burma were at the height of power, Kedah was said to be in the middle and had to choose whether to remain under either government. A series of attacks and evidence of relations that explain the Siamese and Kedah relations offer some conclusions that prove Kedah has had links with the Myanmar traditional government especially in terms of trade and cruise.*

*Keyword: Konbaung; Kedah; Chakri; golden and silver flower; war*

#### PENGENALAN

Setakat ini, tidak banyak yang diketahui tentang sejarah hubungan politik tradisional negeri-negeri Melayu di Malaysia dengan Myanmar. Kebanyakan penulisan yang sedia ada lebih memfokuskan tentang sejarah moden dan nasionalisme Myanmar. Walaupun terdapat beberapa catatan yang menyebut tentang hubungan Burma dengan Melaka seperti kerajaan Pegu dan Hantawaddy pada abad ke-15 M namun penulisannya hanya berhenti di situ

sahaja. Sedangkan Kedah diiktiraf sebagai sebuah negeri tertua sekali di Semenanjung Malaysia dan sudah pastilah para pedagang daripada seluruh dunia termasuklah kerajaan-kerajaan yang pernah wujud di Burma pada suatu masa dahulu akan melalui dan singgah ke pelabuhan-pelabuhan yang terdapat di negeri Kedah. Oleh kerana kurangnya perhatian diberikan kepada sejarah hubungan dua hala ini maka ia menjadi satu kerugian yang sangat besar kepada persejarahan Malaysia terutama sekali sejarah negeri Kedah. Atas sebab itu, objektif kajian

ini adalah untuk menjelaskan beberapa lintasan sejarah yang berlaku antara kedua-dua negara ini.

#### KERUNTUHAN DINASTI AYUTTHAYA DAN TOHNBURI (1767-1809)

Tidak banyak yang di ketahui tentang sejarah kerajaan silam yang terdapat di Burma oleh masyarakat di Malaysia khususnya masyarakat Kedah. Sejarah tradisional Burma tidak begitu mendapat perhatian oleh generasi baru kerana pengaruh Siam/Thai lebih kuat ke atas negeri-negeri Melayu di Semenanjung Malaysia. Merujuk sumber tradisional Kedah, Hikayat Merong Mahawangsa ada menyebut tentang nama (Raja Kelana Hitam) yang datang dari Pulau Tawar. At Tarikh Salasilah Negeri Kedah pula ada memetik tentang Raja Kelana Hitam yang datang daripada sebuah kerajaan yang berpusat di Tenang Sari, hari ini di kenali sebagai Tennaserim atau Tanintharyi. Hikayat Merong Mahawangsa turut menceritakan tentang perkara yang sama iaitu peperangan di antara Raja Kelana Hitam dengan Phya Kelahom iaitu wakil daripada Siam. Namun hikayat versi Melayu ini tidak menyatakan tarikh bilakah ia ditulis (Hawa 1991:61-69). Status hikayat ini menyebabkan timbul pelbagai keraguan terhadap jalan cerita hikayat ini walaupun kerajaan Tenang Sari sememangnya pernah wujud sekitar abad ke-11 M hingga 13 M.

James Low iaitu seorang pegawai British pernah menceritakan tentang perjalanannya menjejaki sejarah Raja Merong Mahawangsa Annals hinggalah ke kawasan Tennaserim dalam penulisannya bertajuk *The Kedah* (Low 1849:248-275). Walaupun terdapat beberapa bukti artifak, namun sayang sekali ia tidak mendapat perhatian oleh sejarawan dari kedua-dua negara akibat daripada kedudukan geografi dan jarak sempadan yang jauh serta dipisahkan oleh Siam. Malah, beliau hanya bergantung sepenuhnya kepada catatan British dalam bentuk surat menyurat, jurnal dan buku sama ada diterbitkan atau tidak diterbitkan. Kajian ini terpaksa merujuk koleksi jurnal yang terdapat di Siam terutama sekali kompilasi jurnal yang diterbitkan oleh *Journal Siam Society*. Namun begitu, penulisan yang dikongsikan oleh beberapa sejarawan Burma seperti Hmannan Yazawin Dawgyi (1908) banyak memberi tumpuan kepada peperangan yang berlaku antara Kerajaan Konbaung dengan Kerajaan Ayutthaya sehinggalah kerajaan Siam itu dimusnahkan pada tahun 1767.

Terdapat sebuah lagi manuskrip Melayu yang ditulis pada tahun 1810 oleh Sultan Kedah iaitu

Sultan Ahmad Tajuddin II (1803-1845). Manuskrip itu dikenali sebagai Syair Jong Salang yang juga di sebut sebagai Syair Duka Nestapa atau Syair Sultan Maulana. Sultan Ahmad Tajuddin II digelar sebagai Sultan Maulana kerana sepanjang tahun 1821-1843 baginda berkelana ke Pulau Pinang yang ketika di tadbir oleh British yang kemudiannya meminta baginda supaya berpindah ke Melaka pada tahun 1830. Selepas tamatnya Perang Kedah-Siam pada tahun 1840 atas sebab Rama III menukar pendirian supaya negeri Kedah dimajukan semula maka Sultan Maulana pulang dan menaiki takhtanya semula pada tahun 1843 namun kemudiannya mangkat pada tahun 1845. Baginda digantikan oleh anaknya iaitu Tunku Zainal Rashid yang memakai gelaran Sultan Zainal Rashid II (1845-1848).

Berdasarkan manuskrip ini, lahir 2 buah kajian yang diterbitkan yang bertajuk Syair Sultan Maulana oleh Muhammad Yusoff Hashim pada tahun 1980 dan *The Battle For Junk Ceylon* oleh Cyrill Skinner pada tahun 1985. Kedua-dua buku ini memberi fokus kepada peristiwa yang berlaku kepada Kedah ketika berada dalam kancang peperangan antara dua buah kuasa besar di Asia Tenggara iaitu Konbaung dan Chakri pada tahun 1810. Burma pada ketika itu berada di bawah kuasa Raja Bodawpaya (1782-1819) dan Siam pula berada di bawah pemerintahan Raja Phuttha Loetla Naphalai (1809-1824) yang lebih di kenali sebagai Rama II manakala Kedah di bawah pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah (1803-1845). Kedua-dua teks kajian berkenaan teks syair ini cuba memaparkan beberapa peristiwa penting yang berlaku sepanjang kempen peperangan di Jong Salang. Namun begitu, kedua-dua teks kajian ini berhenti setakat tahun 1810. Kedua-dua teks ini juga tidak merujuk sebarang sumber daripada Burma yang menjadikan kajian tersebut terbatas dan menyebabkan perjalanan peristiwa yang berlaku tidak dapat digambarkan dengan jelas.

Kejayaan militer Burma yang di ketuai oleh Raja Hsinbyushin (1763-1776) terhadap kerajaan Siam membuka mata orang-orang Melayu bahawa terdapat satu kuasa yang mampu mengalahkan kerajaan Siam yang selama ini di anggap sebagai pelindung dan penaung kepada negeri-negeri Melayu, Kemboja dan Laos. Kejatuhan Ayutthaya pada tahun 1767 secara tidak langsung membebaskan hampir kesemua wilayah-wilayah yang berada di bawah Siam termasuklah negeri-negeri Melayu terutama sekali Kedah dan Patani. Kedua-dua negeri ini banyak menerima tekanan dari Ayutthaya sebelum ini. Namun kesan buruk

yang paling nyata ialah apabila Dinasti Chakri yang muncul kemudiannya melaksanakan pelbagai dasar yang menekan kedua-dua kerajaan Melayu ini yang akhirnya mencetuskan penjajahan Patani pada tahun 1791 dan Kedah pada tahun 1821.

Zaman keemasan Burma muncul semasa zaman Badawpaya yang juga di gelar sebagai “Dewa Undang-undang Agung” (Mintayagyi Paya). Badawpaya mula memerintah Burma pada tahun 1782 hingga 1819. Beliau merupakan putera kepada Alaungpaya iaitu Raja Burma yang berjaya menawan Ayutthaya pada tahun 1767 (Hall 1973:706). Selepas serangan Konbaung ke atas Ayutthaya pada tahun 1767, kebanyakan negeri – negeri di bawah naungan Ayutthaya terutama sekali di kawasan Segenting Kra dan Tanah Melayu iaitu Kedah dan Patani membebaskan diri. Ketika Ayutthaya dikalahkan, Kedah yang di perintah oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Shah II (1710-1778) menitahkan anaknya iaitu Tunku Anjang Raja Laut untuk menakluki Tongkah (Phuket), Trang (Thalang), Kupa (Takua Pa), Rundung (Ranong) hingga ke sempadan Mergui (Buyong 1980:29; Muhammad Hassan 1968:122) dan berkuasa di kawasan-kawasan ini sehingga tahun 1782.

Walaupun begitu pada tahun 1768, Raja Thaksin (1768-1782) berjaya mengalahkan askar-askar Konbaung yang berada di Bangkok dan seterusnya menubuhkan kerajaan Thonburi. Kekalahan Burma ini menyebabkan Raja Thaksin dengan pantas mengalihkan perhatiannya terhadap negeri – negeri di kawasan selatan. Thaksin melancarkan kempen membalas serangan Burma dan berjaya membebaskan kawasan tengah Siam namun begitu beliau hanya sempat menawan Ligor (Skinner 1981:54). Baginda terpaksa pulang untuk berperang di kawasan barat dan utara Siam dan dengan itu Kedah dan Patani terus bebas daripada pengaruh Siam hinggalah ke zaman Rama I daripada Dinasti Chakri iaitu Raja Yotfa Chula Lok (1782 – 1809). Serangan demi serangan oleh Rama I ke kawasan selatan merebak hingga ke Jong Salang yang menyebabkan Kedah kehilangan kawasan Mergui hingga Phang Nga. Ketika itu, Burma pula tidak putus-putus menyerang kawasan Siam dan yang terakhir sekali ialah menyerang kawasan Thalang dan Ranong sebelum kerajaan Burma dilemahkan oleh British pada tahun 1824.

Pada tahun 1783, Mergui yang di ambil alih oleh Burma diberikan kepada Perancis sebagai pusat untuk memperbaiki kapal-kapal mereka dari

Mauritus (Hall 1973:711). Perkembangan politik militer antara Burma dan Siam pada ketika itu mempengaruhi Sultan Abdullah II (1778-1797) iaitu Sultan Kedah pada ketika itu untuk bertindak mendapatkan bantuan daripada British dengan memajak Pulau Pinang pada tahun 1786 (Booney 1974:61). Pada ketika ini juga, Kedah terpaksa berpihak kepada kedua-dua negara dalam satu masa yang sama. Sebagai contoh, pada tahun 1786 tentera Burma sampai ke Kuala Kedah bagi memohon bekalan makanan dan senjata api daripada Sultan Kedah bagi menawan Thalang daripada pihak Siam (Buyong 1980:41) dan dalam masa yang sama memberi bantuan yang sama kepada pihak Siam. Sultan Abdullah II terpaksa berbuat demikian bagi mengelak daripada menerima nasib seperti Kemboja dan Cochinchina. Semasa kekacauan ini berlaku, muncul Francis Light yang merupakan seorang pedagang British yang sering berulang alik dari Phuket ke Sumatera. Dalam waktu yang sama itu kerajaan Kedah juga di himpit oleh Burma dan Siam. Sepanjang tempoh 1787-1802, terdapat 7 kali peperangan yang melibatkan Siam yang di perintah oleh Chakri dan Burma, antaranya ialah pada tahun 1791. Tavoy, Mergui dan Tennaserim yang menjadi sebahagian wilayah Siam berjaya dirampas semula pada tahun 1793 oleh tentera Konbaung. Pada tahun 1797 pula, kedua-dua kerajaan mengalihkan perhatian mereka terhadap kawasan Lanna Siam, Chiangmai (Wyatt 1975:107) manakala Lampang dan Lamphun berjaya diduduki oleh Thaksin (Kobkua 1991:33). Pada tahun 1802, tentera Siam menumpukan perhatian mereka pula terhadap kawasan-kawasan Tavoy dan Mergui yang di rampas daripada mereka namun usaha ini gagal (Hall 1973:709). Manakala pada tahun yang sama Raja Bodawpaya cuba menyerang Chiangmai untuk merebut semula Lanna Tai namun percubaan tersebut turut gagal. Kerajaan Burma kemudiannya cuba menjalinkan hubungan diplomatik dengan Siam namun tidak dilayan (Kobkua 1991:33).

#### PERTEMPURAN AWAL (1810)

Pada tahun 1803 berlaku perebutan kuasa antara kerabat Kedah apabila Sultan Dhiaunuddin (1797-1803) dengan anak-anak Sultan Abdullah II terutama sekali Tunku Pangeran. Ketika Sultan Abdullah II mangkat anak-anak baginda masih lagi remaja dan tidak layak untuk memerintah negeri Kedah. Untuk menyelesaikan masalah ini pihak Istana Kedah merujuk kepada Bangkok untuk menentukan

siapakah yang lebih layak menjadi pemerintah negeri Kedah. Pada tahun 1803, Rama I memilih Tunku Pangeran sebagai Sultan Kedah manakala Tunku Bisnu sebagai Raja Muda Kedah. Tunku Pangeran yang baru saja ditabalkan itu memakai gelaran Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah dan gelaran Siamnya pula ialah Phaya Ratnasongkram Ramaphakdi Si Sultan Muhammad Ratnarachawangsa manakala Tunku Bisnu diberi gelaran Phaya Aphainurat (Skinner 1981:80).

Walau bagaimanapun, berlaku perang antara Burma dengan Siam pada tahun 1810 di Jong Salang yang pada ketika itu berada dalam kekuasaan Kedah. Pada waktu yang sama, perebutan kuasa di Kedah berlaku antara Sultan Ahmad Tajuddin II dengan adindanya Tunku Bisnu. Tunku Bisnu (Tunku Seraja Wang) yang ingin menjadi Sultan Kedah berjumpa Raja Senggora. Mereka berdua kemudiannya bertemu Rama II dan mengadu akan hal Sultan Kedah yang membantu Burma. Akhirnya kawasan Sungai Yan, Sungai Merbuk dan Sungai Muda diserahkan kepada Tunku Bisnu manakala Setul dan Lungu diserahkan kepada Raja Senggora. Pihak Burma pula berjaya menawan Thalang dan Jong Salang Siam yang mendakwa bahawa wilayah tersebut adalah milik mereka. Berita kemenangan itu disampaikan kepada Kerajaan British Pulau Pinang melalui surat yang menyatakan bahawa kerajaan Burma menempatkan 3000 orang tentera bagi mempertahankan kawasan tersebut dan Jong Salang dinamakan sebagai Salawara. Penaklukan ini tidak bertahan lama apabila pakatan Siam-Kedah berjaya menawan semula kawasan ini daripada Burma, walau bagaimana pun Kedah menyerahkan kawasan itu kepada kerajaan Siam (Anderson 1824:128; Booney 1974:120-125; Vella 1957:60; Wood 1924:275).

### PERANG PERAK

Pada tahun 1816 Sultan Kedah sekali lagi berbincang dengan Gabenor British di Pulau Pinang dan menyatakan Kedah hanya mempunyai 2 pilihan iaitu menyerang Perak atau pun menunggu sahaja serangan dari Thai (Booney 1974:138). Akhirnya Sultan Ahmad Tajuddin memutuskan untuk menyerang Perak. *Beta tidak mahu menyerang Perak atas kehendak beta tapi beta menerima arahan Raja Thai yang beta takutkan dan atas sebab itu beta terpaksa menyerang Perak.* (Logan 1856:301). Baginda kemudiannya mengarahkan Dato Bendahara menyiapkan pasukan perang bagi menyerang Perak dan pada tahun 1817 dan

bermulalah kempen peperangan antara Kedah dan Perak (Mills 2012: 153). Di samping itu pada tahun 1817 semasa angkatan tentera Kedah sedang berperang di Perak, Tunku Embun telah memohon untuk memerintah kawasan Setul dan Kayang namun permintaan ini telah di tolak Sultan Ahmad Tajuddin (Booney 1974:127; Buyong 1980:55-56) kerana baginda hendak memberi kawasan itu kepada Tunku Yusuf anakanda kepada Almarhum Tunku Dhiaunuddin yang merupakan pemerintah asal bagi kedua kawasan tersebut (Buyong 1980:59). Pada tahun 1818 pasukan Kedah dengan kekuatan 200 buah perahu dan 5000 orang tentera telah menyerang Perak dan berjaya menawan Perak dengan tumbangnya Pasir Garam yang pada ketika itu merupakan kawasan istana Perak. (Booney 1974:128; Abdullah 1992:3) Kenyataan ini dikuatkan dengan kenyataan Sultan Abdul Malik Mansur Syah melalui suratnya kepada Gabenor Pulau Pinang bahawa Perak kini berada di bawah takluk Kedah (Winstedt & Wilkinson 1974:65) dan hal ini di akui oleh anakanda Sultan Abdul Malik Mansur Syah iaitu Sultan Abdullah Mu'azzam Shah Ibnu Almarhum Sultan Abdul Malik Mansur Shah (1825-1830) yang berkata kepada wakil British ke Perak dan Selangor:

“Negeri Perak hanya mempersembahkan bunga emas dan perak sebanyak 2 kali sahaja dan mengingatkan baginda yang selama bertahun-tahun beta menentang cadangan ini sehinggalah Perak di tawan oleh Kedah pada tahun 1818”

(Burney Papers 1912:76)

### TUNTUTAN TUNKU EMBUN

Pada tahun yang sama (1817) Tunku Embun telah menuntut kawasan Setul dan Kayang namun permintaannya telah di tolak dan menyebabkan beliau telah pergi ke Ligor dan menghasut Raja Ligor agar menyerang Kedah. Antara alasan lain yang diberikan Tunku Embun ialah Sultan Kedah telah merancang ingin menyerahkan kuasa pentadbiran Kedah kepada Raja Siak (Buyong 1980:61). Ini menambahkan lagi alasan bagi Raja Ligor yang telah sedia cemburu atas kejayaan Sultan Ahmad Tajuddin yang berpangkat lebih tinggi darinya. Disebabkan fitnah dan adu domba Tunku Embun, Sultan Kedah telah di tuduh bersekongkol dengan Burma bagi menentang Thai dan telah menyerahkan Pulau Pinang tanpa kebenaran Rama II.

Pengkhianatan oleh Tunku Embun ni adalah atas kepentingan diri sendiri dan telah menyebabkan begitu banyak nyawa dikorbankan demi memenuhi

permintaannya. Setelah mendengarkan berita ini Putera Sakdiponlasep telah memberi amaran kepada Raja Ligor supaya mengumpulkan segala maklumat berkaitan masalah Kedah (Munro 2001:196). Kemudian pada tahun yang sama juga (1818) tentera Burma di bawah pimpinan Badawpaya telah menyerang Talang dan menawan ke semua pulau-pulau di sekitar Talang termasuk Ujong Salang (Booney 1974: 158) dan dengan menggunakan alasan untuk menyerang balas serangan Burma itu, Phaya Kalahom (Menteri Pertahanan di Bangkok) dan Raja Ligor telah mengarahkan supaya Kedah menyediakan 300 koyan 'beras' (1 koyan = 40 pikul. 1 pikul = 60.48 kg. 1 koyan = 2419 kg). Seramai 2500 orang tentera Kedah di hantar untuk menentang pasukan Burma di Pulau Tongkah dan telah menghadapi kekalahan yang teruk (Ibrahim 2008:73).

Kejayaan Kedah pada tahun 1810 & 1818 mendatangkan sakit hati kepada Raja Ligor. Bagi Ligor selain dari Senggora, Kedah dan Pattani juga merupakan saingan kepadanya. Kedah tidak menghantar bunga emas dan perak, bekalan makanan serta wang yang di minta oleh Bangkok kerana menganggap kerajaan Siam sudah lemah dan tidak mampu bersaing dengan Burma, oleh itu sepucuk surat di hantar kepada Burma dengan tujuan untuk mendapatkan perlindungan (Mills 2012:153). Setelah melihat kejayaan Burma dalam beberapa siri peperangannya dengan Siam dahulu sehingga runtuhnya Kerajaan Ayutthaya dan dalam masa yang sama tentera Burma masih menyerang kedudukan Siam di Segenting Kra dan hampir sampai ke Ligor, Sultan Kedah merasakan adalah lebih patut menyokong kerajaan Burma daripada terus memberi sokongan kepada Bangkok dan Ligor. Di atas faktor inilah kerajaan Kedah cuba menyelamatkan dirinya dengan tidak berpihak kepada Siam dan adalah menjadi kebiasaan dalam percaturan politik apabila sesebuah kuasa yang disokong menjadi lemah maka para penyokong dan pendukung mereka akan meninggalkan mereka sedikit demi sedikit.

Isu bunga emas dan perak merupakan suatu perdebatan yang berpanjangan dan kompleks kerana ia melibatkan golongan pro-Melayu dan pro-Siam yang menganggap bunga emas ini adalah sebagai tanda persahabatan atau sebaliknya. Dalam isu Kedah, menurut beliau Kedah lebih suka mengambil jalan selamat iaitu menghantar bunga emas dan perak ini kepada pihak Burma atau Siam kerana ingin mengelak negeri itu daripada di serang oleh kedua belah pihak. Raffles juga menyatakan

ketidakpuasan hatinya terhadap amalan ini dan mencadangkan agar satu cara di buat agar amalan bunga emas ini dihentikan (Swettenham 1893:17; Mills 2012:43-47; Hall 1973:603).

#### SURAT PAKATAN

Akhirnya takdir menentukan, pada awal tahun 1821 seorang pedagang Cina dari Thalang berasal dari Macau bernama Lim Hoi terlihat kapal-kapal Burma sedang berlabuh tidak jauh dari kawasan Jong Salang. Beliau berasa curiga melihat keadaan kapal tersebut lalu menyerangnya dan berjaya menemui sepucuk surat daripada kerajaan Burma kepada Sultan Kedah. Lim Hoi kemudiannya menyerahkan surat dan para tahanan ke Gabenor Talang dan kemudiannya di hantar ke Bangkok (Gejrini 1905:202; Booney 1974:161). Selepas surat itu di terjemah, kandungan surat tersebut membuktikan terdapat komplot antara Burma dan Kedah. Isi surat tersebut ialah:

*The Emperor having appointed me Rajah of Tavoy, I write to your Highness on the present subject. It is known that the Rajahs of Kedah have been from formerly in friendly relations with Siam; but that the Siamese have now come and committed oppression on your Highness, and dispersed your Highness' family, thereby occasioning the greatest distress to the whole country. This is the usual habit of the Siamese to have no compassion, but to commit oppression over all without regard, either to mercy or justice. The Emperor who is seated on the Royal Throne is famous for his mild and benignant rule over all people, and if your Highness has suffered as above mentioned, at the hands of the Siamese, why does not your Highness represent your case, and send a Relation of Minister of State to confer on the subject, so that the Emperor may be graciously pleased to send down an Army and attack the Siamese, and settle the affair by relieving your Highness from disgrace. For an Army is in all readiness to march and why should your Highness have remained all this time under a load of disgrace and distress — for your Highness of Kedah, is at no great distance, and if an Embassy cannot be sent so far as Ava, an Army now ready to the amount of 4, or 5,000 men can march, even from Tavoy — I am exceedingly anxious to be of assistance to your Highness, on account of former friendly relations. Now whatever is your Highness's desire, let a son or Minister be sent with a letter containing it, and I will forward it on to the Empire or even if it could not be sent so far, your Highness shall be assisted from Tavoy alone, and Army of 4, or 5,000 men be sent to requite the deeds of the Siamese. If your Highness is willing to come yourself, in my opinion it would be best, and productive of most advantage, and I will go out to receive your Highness respectfully, so that no cause of uneasiness should exist.*

(Saxena 1952:585)

Di atas jasanya, Lim Hoi di lantik menjadi Ulang Raja Kapitan yang bertugas menjadi Ketua Penguat Cukai Diraja di Jong Salang bukan

sahaja bagi peleburan bijih timah malahan sebagai pengutip hasil bijih timah yang dihasilkan (Gejrini 1905:202; Skinner 1985:84; Munro 2001:196; Kobkua 1991:70-71; Mills 2012:153). Alasan sama diberikan oleh pihak Ligor ketika Crawfurd menjalankan siasatan ke atas peristiwa serangan ini dan pihak Ligor mendakwa mereka sudah mengutus beberapa surat kepada Raja Siam bahawa Kedah berpaling tadah daripada mereka namun Raja Siam tidak memberikan jawapan sehinggalah surat Sultan Kedah kepada kerajaan Burma di rampas dan menjadi bukti paling kukuh bagi menyerang Kedah. Kebanyakan ahli sejarah yang mengkaji peristiwa ini sering menyalahkan Tengku Embun sebagai orang yang mengadu domba akan perihal Sultan Ahmad Tajuddin memohon bantuan Burma sedangkan tanpa penglibatan Lim Hoi, Raja Ligor sudah tentu tidak mempunyai bukti yang kukuh untuk menyerang Kedah.

Bukti ini memberikan alasan yang kukuh kepada Raja Ligor untuk menyerang Kedah, pasukan Ligor belayar dari Trang ke Kedah dengan cuba membuat helah untuk mendapatkan bekalan makanan dan perubatan bagi menghadapi kerajaan Burma (Crawfurd 1915:26). Pada bulan Februari Sultan Ahmad Tajuddin menerima sepucuk surat daripada Gabenor Phillip di Pulau Pinang yang menyatakan bahawa hasil risikan British di Bangkok memberitahu bahawa seramai 6000 orang tentera dari Bangkok dikumpulkan dan akan melalui Senggora bagi menyerang Kedah kerana tidak menghantar bunga emas dan perak kepada Bangkok. (Anderson 1824:303) (Booney 1974:166) Menurut surat tersebut:

“Berkemungkinan besar angkatan tentera ini di hantar kerana perihal bunga emas yang tidak di hantar atau mungkin tidak kerana kerajaan Burma mengisytiharkan perang ke atas Siam dan tentera Siam kini sedang mara ke Jong Salang. Semoga ia menjadi seperti sangkaan ini, keikhlasan saya untuk bersahabat ini membuatkan saya segera menyampaikan berita yang saya terima daripada risikan kami di Bangkok”

(Anderson 1824:303)

Baginda kemudiannya menghantar seorang Penghulu bernama Awon (Awang?) untuk melakukan perisikan dan mengumpulkan segala maklumat tentang situasi ini. Hasilnya 300 orang Siam di dapati berada Lungu dan diketuai oleh Chao Rubut manakala di Setul pula mereka di ketuai oleh Umbun Nongta dan kemudiannya adik Raja Senggora datang bersama 100 orang pengikut dengan tujuan untuk menyiapkan perahu di Sungai Baru. Tiada siapa tahu pekerjaan mereka semasa

di Setul itu cuma yang pasti tentera Burma akan datang menyerang tentera Siam di kawasan Trang, Chinga dan Setul. Kemudian hasil dari maklumat ini baginda mengatakan:

“Orang-orang Siam berasa cemburu dan geram kerana Pulau Pinang dipajakkan kepada British dan baginda lama memberitahu pihak kompeni tentang hal ini. Sahabat beta memberitahu beta tentang kedatangan Siam bahawa mereka datang kerana ingin menuntut bunga emas yang tidak dapat beta hantar kerana beta sedang gering”

(Anderson 1824 :304)

Oleh itu daripada kenyataan ini ternyata bahawa Sultan Ahmad Tajuddin tidak tahu tentang surat yang di hantar oleh Raja Bodawpaya yang mengajak baginda bersama dengannya untuk menyerang Siam daripada arah selatan dan hanya menyangka bahawa punca angkatan Siam yang datang ke Kedah adalah disebabkan oleh bunga emas dan perak yang tidak di hantar oleh baginda kepada Raja Siam.

#### PERUTUSAN TAVOY

Selepas serangan pada tahun 1821, Sultan Ahmad Tajuddin yang melarikan diri ke Pulau Pinang mengutus surat kepada Raja Burma untuk mendapatkan sebarang bentuk bantuan dan baginda mengutus Che Lanang dan Muhamad Ali ke Tawei (Tavoy, Burma). Selain itu surat tersebut melaporkan bahawa tentera Kedah, Perak dan Perlis sedang bersiap sedia untuk menyerang balas kedudukan tentera Thai di Kedah. Sekiranya wakil ini tidak pulang dalam masa 4 bulan tentera Melayu akan menyerang Kedah. Raja Burma membalas dan bertanya selain daripada negeri ini adakah terdapat negeri lain yang sudi membantu Sultan Kedah mendapatkan negerinya? Che Lanang dan Muhammad Ali menjawab Orang Melayu dari Rembau, Riau, Marang, Dungun, Pahang, Kelantan dan Terengganu begitu juga dengan Raja Aceh mungkin akan membantu. Oleh itu Raja Burma membalas surat tersebut dengan mengatakan Sultan Kedah akan di bantu dan 5 negeri tersebut selepas ini mestilah menghantar bunga emas kepada Raja Burma. Che Lanang, Muhammad Ali bersama Penghulu Sera dan Noquedah Simbuang (Naka Nambua) kemudiannya berpatah balik semula ke Tavoy. Mereka ini kemudiannya meneruskan pelayaran ke Pulau Pinang dan diiringi oleh pegawai Burma iaitu Seki Nogi Nei Mia Ze Jaksa, Seju Jagom Surakin, Jagom Ze Yakin, Ja Jak Kiu Soo dan Hei Mion Si Siouk Noita. Mereka ini turut membawa 44 koyan beras seperti mana yang di minta oleh Sultan

Kedah dan Raja Burma juga menghantar 36 koyan beras lagi bagi mendapatkan bijih timah untuk membaiki istananya. Sultan Kedah dengan hati yang gembira mengatakan bahawa baginda mahu menjadi negeri naungan Burma dan sudi menjual beras serta timah mengikut harga semasa yang ditetapkan oleh Pulau Pinang (Anderson 1824: Appendix i-iv).

Selepas serangan Siam pada tahun 1821 ke atas Kedah, Raja Ligor kemudiannya menyiapkan 300 buah perahu di Trang, Kedah dengan alasan untuk menyerang Perak dan Selangor. Kerajaan Bengal mengarahkan untuk menghantar James Low pada tahun 1822 bagi memujuk Raja Ligor bagi menyertai peperangan tersebut namun percubaan tersebut gagal. Low semasa lawatannya ke Ligor mengingatkan kerajaan Pulau Pinang bahawa Raja Ligor berazam untuk menyerang Perak dan Selangor. (Hall 1973 :616). Dalam pertengahan tahun 1822 Raja Ligor cuba memasuki Negeri Perak namun kemahuan Raja Ligor ini di halang oleh British yang mengepung jalan laut di Pulau Pinang.

#### VICTORIA POINT

Pada tahun 1824 Perang British-Burma bermula. Serangan British adalah di laluan Three Pagoda's yang merupakan jalan utama untuk masuk ke Burma. Burma yang pada awalnya menghadapi tentera Siam akhirnya bertembung dengan pasukan British akibat daripada pelanggaran Raja Burma di sempadan India. Siri peperangan pertama antara Burma-British, kemenangan berpihak kepada pasukan Burma. Oleh sebab itu British berharap agar dapat bersekutu dengan Siam bagi menghapuskan Burma, dengan itu 2 buah utusan di hantar ke Ligor bagi memohon bantuan itu namun sangkaan mereka meleset kerana Raja Ligor hanyalah seorang pembesar di bawah Raja Siam yang mempunyai pengaruh dan kekuasaan di kawasan selatan Siam. Dalam siri kedua perang British-Burma akhirnya Ava dan Tennaserim berjaya ditakluki oleh British. Timbul persoalan adakah alasan campur tangan Raja Burma di kawasan Chittagong yang dimiliki oleh British merupakan penyebab kepada tercetusnya peperangan British-Burma pada tahun 1824 sedangkan dalam waktu yang sama kerajaan British juga sedang sibuk menguruskan hubungannya dengan Belanda, Perancis, Siam dan Melayu. Pada satu sudut yang jelas ialah penguasaan Burma adalah penting untuk menguasai jalan perdagangan laut dari Bengal-Martaban-Kedah-Singapura. Ini

terbukti apabila misi-misi yang di hantar oleh British sehingga tahun 1826 berpaksakan kepada kawasan ini secara tidak langsung dan dibalas dengan jawapan daripada Rama III yang berbunyi:

“Pada masa ini British cuba menguasai kawasan dari Pulau Pinang hingga ke Victoria Point (hari ini ia dinamakan Khawthaung, Burma). Mereka menunggu peluang untuk membuat rundingan untuk menjadikan Semenanjung itu milik mereka dan sekiranya orang British mampu mencari peluang untuk membantu orang Melayu dan orang Melayu menjadikan mereka sebagai pelindung sudah pastilah orang Melayu akan menyerang Jong Salang, Thalang, Phang Nga, Takuatung (Tongkah) dan Takuapa (Kupa). Keadaan ini akan menyebabkan Siam hilang semua kawasan itu kepada British.”

(Mackay 2013:266)

#### PERJANJIAN BURNEY 1826

Sementara itu Henry Burney di hantar ke Bangkok bagi membincangkan beberapa perjanjian yang menekan kerajaan Siam untuk tidak menyerang Perak dan antara kandungan Perjanjian Burney pada 20 Jun 1826 adalah seperti berikut:

#### Artikel X

Inggeris dan Siam bersetuju bahawa tiada sekatan perdagangan di antara mereka di negara Inggeris iaitu di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura, dan di negara Siam iaitu Ligor, Merdelung, Senggora, Patani, Jong Salang, Kedah dan wilayah Siam yang lain. Pedagang dan saudagar Asia yang bukan orang Burma, orang Pegu, atau keturunan orang Eropah, akan dibenarkan untuk berdagang dengan bebas melalui darat dan sungai. Pedagang dan saudagar Asia yang bukan orang Burma, Orang Pegu, atau keturunan orang Eropah yang berhasrat untuk masuk dan berdagang di kawasan yang dikuasai Siam, dari negara Mergui, Tavoy, Tennaserim dan Ye yang sekarang di bawah taklukan Inggeris, akan diberi kebenaran untuk bebas berdagang melalui daratan dan air, apabila mendapat perakuan yang sah dari Inggeris; tetapi pedagang dan saudagar adalah di larang untuk membawa candu, yang merupakan barang larangan di keseluruhan kawasan dan negara taklukan Siam; sekiranya pedagang dan saudagar membawa masuk barangan tersebut, gabenor akan merampas, membakar dan memusnahkan semua barangan tersebut.

Dengan termeterainya perjanjian ini maka British secara tidak langsung menjadikan Siam sebagai sebuah negara penampan daripada bertemu dengan Perancis di Indo China. Perjanjian Anglo-Dutch Treaty pula menjadikan Selat Melaka di kuasai sepenuhnya oleh British. Serangan ke atas Burma dalam kempen-kempen seterusnya sehingga negara itu di tawan menjadi pelengkap kepada penguasaan British ke atas seluruh jalan perdagangan laut ke China secara total dan tidak diganggu gugat lagi biarpun ia terpaksa melepaskan kawasan Ranong hingga Kedah kepada Siam.

## KESIMPULAN

Masih banyak lagi bahan yang perlu kaji dan di kenal pasti untuk melihat sejauh mana hubungan antara masyarakat Melayu Kedah dengan masyarakat Myanmar. Namun kewujudan masyarakat Melayu di Khawthaung membuktikan bahawa mereka merupakan keturunan pahlawan Kedah yang melarikan diri semasa peperangan di antara Siam dan Burma. Mereka tidak mempunyai pilihan lain kerana jika kembali ke Kedah sudah pasti mereka akan di paksa untuk berperang sekali lagi. Sayangnya bantuan dan hajat Raja Burma dan Sultan Kedah ini tidak tercapai apabila kawasan Tennaserim yang menempatkan kota Tavoy di serang pada tahun 1824 dalam Perang Inggeris-Burma 1. Walaupun begitu, tidak dapat dipastikan apakah semua ini merupakan perancangan bersama British-Siam untuk menghalang kebangkitan orang Melayu secara keseluruhannya. Oleh itu diharapkan bahawa penulisan ini akan menjadi perintis kepada kajian-kajian masa depan berkaitan hubungan Melayu-Burma pada era tradisional dan adalah menjadi satu harapan yang sangat besar agar usaha-usaha pengumpulan bahan dan penulisan daripada sejarawan Myanmar yang mengkaji tentang peristiwa ini dapat di kembang dan dikongsi bersama masyarakat Malaysia agar ia akan menambahkan lagi pengetahuan tentang apakah yang sebenarnya berlaku kepada Kedah secara tidak langsung dan juga sejarah seluruh kawasan Segenting Kra daripada bahan-bahan primer milik Burma. Selain itu juga diharapkan agar koleksi bahan Burma ini akan menjelaskan tentang kemungkinan terdapatnya hubungan yang lebih awal antara kerajaan Kedah dengan kerajaan-kerajaan yang pernah wujud di Myanmar seperti Pegu dan Toungoo.

Namun harapan yang paling besar ialah suatu hari terjemahan kepada Konbaung Set Yazawin, Hmannan Yazawin, Dutiya Yazawin dapat dilakukan agar sejarah kedua-dua negara ini dapat dikembangkan dengan lebih baik lagi.

Mohd Herman Bin Roslan  
Arkib Negara Malaysia Negeri Pahang  
Indera Mahkota 14  
25200 Kuantan  
Pahang  
E-mel: gerodamerah@gmail.com

Diserahkan: 02 Februari 2020  
Diterima: 18 April 2020

## RUJUKAN

- Abdullah Zakaria. 1992. Kedah 1821-1842: Perjuangan Orang Melayu Menentang Siam. Seminar Kebangsaan Isu-isu dalam Pensejarahan, Universiti Sains Malaysia.
- Anderson, J. 1824. *Political and Commercial Considerations Relative to the Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*. London: William Cox.
- Booney, R. 1974. *Kedah 1771 -1821: The Search for Security and Independence*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Burney Papers. 1912. Jilid 3, Vajiranana National Library, Bangkok.
- Buyong Adil. 1980. *Sejarah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Mackay, C. 2013. *A History of Phuket and the Surrounding Region*. Bangkok: White Lotus.
- Crawford Papers. 1915. National Library Bangkok.
- Gerini, G. E. 1905. Historical retrospect of Junkceylon Island. *Journal Siam Society* 2(82).
- Hall, D. G. E. 1973. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Hmannan, Y. D. 1908. Burmese invasions of Siam (Part I-IV). *Journal Siam Society* 5(1).
- Ibrahim Ismail. 2008. *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Kobkua Suwannathat Pian. 1991. *Sejarah Siam Zaman Bangkok*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Logan, J.R. 1856. *Journal Indian Archipelago Easter Asia* 1.
- Low, J. 1849. A translation of the Kedah Annals Termed Marong Mahawangsa. *The Journal of The Indian Archipelago and Eastern Asia* 1(3).
- Mills, L. A. 2012. British Malaya. *Malaysian Branch Royal Asiatic Society* 22.
- Muhammad Hassan bin Dato Kerani Muhammad Arshad. 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusof Hashim. 1980. *Syair Sultan Maulana*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Saxena Sri Krishna. 1952. Causes leading to the deputation of a Burmese political mission to the Court of Cochin-China (1822-1824) and its results. *Bulletin de l'Ecole française d'ExtrêmeOrient*. Vol XLV
- Skinner, C. 1985. *The Battle For Junk Ceylon*. Leiden: Foris Publications – Koninklijk Instituut.
- Skinner, C. 1981. Prince Damrong's Introduction to the "Dispatches of Luang Udom Sombat". *JMBRAS* 54(2).
- Siti Hawa Salleh. 1991. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Univesiti Malaya.
- Stuart Munro – Hay. 2001. *Nakhon Sri Thammarat: The Archeology, History and Legends of a Sounthern Siam Town*. Bangkok: White Lotus Press.
- Swettenham, F. 1893. *An Account of the Origin and Progress of Siamese Influence in The Malay Peninsula 1785-1882*. London: W. & A.K. Johnston.
- Vella, W. F. 1957. *Siam Under Rama III 1824-1851*. New York: J.J Auguston for Asian Studies.
- Wood, W. A. R. 1924. *A History of Siam*. London: T. Fisher Unwin Ltd.
- Windstedt, R. O. & Wilkinson, R. J. 1974. History of Perak. *Malaysian Branch Royal Asiatic Society* No 3.
- Wyatt, D. K. 1975. *In Search of South East Asia*. London: Oxford University Press.